



UNIVERSITI
MALAYA

GARIS PANDUAN PENGURUSAN PERMOHONAN PEMINDAHAN KREDIT DAN PENGECUALIAN KURSUS

UNIVERSITI MALAYA



2025

VERSI 1

Dewan Tunku Canselor UM

Jabatan Perancangan Strategik Akademik
Academic Strategic Planning Department

Hak Cipta Terpelihara

Pusat Polisi Akademik
Jabatan Perancangan Strategik Akademik
E-mel: bpa_asp-list@um.edu.my

SEJARAH DOKUMEN

BIL	VERSI	REKOD PINDAAN	SENAT	TARIKH KUAT KUASA
1.	1	Pengemaskinian merangkumi: Penyelarasan dengan K&P berkenaan tiada had pemindahan kredit horizontal, proses permohonan dan caj bayaran pemindahan kredit dan pengecualian kursus berdasarkan keputusan JYU (04.11.2024) & JKPU (11.12.2024).	24.02.2025	Sem 2, Sesi Akademik 2024/2025

JADUAL ISI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	HALAMAN
1	PENDAHULUAN	1
2	TUJUAN	1
3	DOKUMEN RUJUKAN	1
4	DEFINISI	2
5	PEMINDAHAN KREDIT	3
	(1) Pemindahan Kredit dengan Gred	3
	(2) Pemindahan Kredit tanpa Gred	4
6	PENGECCUALIAN KURSUS	6
7	SYARAT-SYARAT PEMINDAHAN KREDIT DAN PENGECCUALIAN KURSUS	6
	(1) Pemindahan Kredit	6
	(2) Pengeccualian Kursus	14
8	CAJ	14
9	PROSEDUR PERMOHONAN	15
10	PROSES PERMOHONAN PEMINDAHAN KREDIT DAN PENGECCUALIAN KURSUS DI PERINGKAT PTj	16
	(1) Permohonan untuk Pertimbangan oleh Jawatankuasa di Peringkat PTj	16
	(2) Permohonan yang Diuruskan secara Pentadbiran di PTj	19
11	PROSES PERMOHONAN PEMINDAHAN KREDIT DAN PENGECCUALIAN KURSUS DI PERINGKAT PUSAT	20
	(1) Pusat Perancangan dan Pemantauan Akademik (PPPA), ASPD	20
	(2) Pusat Kemasukan dan Pendaftaran (PKP), AASD	20
	(3) Pusat Peperiksaan dan Pengijazahan (PPP), AASD	20
12	PEMAKLUMAN KEPUTUSAN KEPADA PELAJAR	21
	(1) Permohonan yang Diuruskan untuk Kelulusan Senat	21
	(2) Permohonan yang Diuruskan secara Pentadbiran di PTj	21

13	LAMPIRAN	21
	Lampiran A	
	Lampiran B	
	Lampiran C	
	Lampiran D	
	KEMBARAN	31
	Kembaran 1 - Panduan Penasihat Bagi Pemindahan Kredit Tanpa Gred Melalui APEL.C Universiti Malaya	
	Kembaran 2 - Panduan Panel Penilai Bagi Pemindahan Kredit Tanpa Gred Melalui APEL.C Universiti Malaya	
	Kembaran 3 - Panduan Moderator Bagi Pemindahan Kredit Tanpa Gred Melalui APEL.C Universiti Malaya	

1. PENDAHULUAN

Garis Panduan Pengurusan Permohonan Pemindahan Kredit dan Pengeccualian Kursus Universiti Malaya disediakan sebagai rujukan kepada staf akademik dan pentadbir di PTj bagi semua tahap pengajian dalam menguruskan permohonan pelajar (semua tahap pengajian) untuk pemindahan kredit dan pengeccualian kursus.

Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan Peraturan-Peraturan Universiti Malaya mengikut tahap pengajian berkenaan (versi terkini).

2. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk:

- (1) menjelaskan kaedah pengurusan permohonan pemindahan kredit dan pengeccualian kursus yang dikemukakan oleh pelajar program bagi semua tahap pengajian, dan
- (2) mewujudkan keseragaman dalam pengurusan permohonan pemindahan kredit dan pengeccualian kursus di PTj.

3. DOKUMEN RUJUKAN

- (1) Kaedah-Kaedah Universiti Malaya dan Peraturan-Peraturan Universiti Malaya semua tahap pengajian (versi terkini);
- (2) Garis Panduan Matapelajaran Pengajian Umum, Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) (versi terkini);
- (3) Garis Panduan Pindah Kredit *Massive Open Online Courses* (MOOC), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA);
- (4) Kompilasi Dasar Jaminan Kualiti Pendidikan Tinggi, MQA (versi terkini);
- (5) Amalan Kualiti MOOC Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018;
- (6) *Guidelines to Good Practices: Accreditation of Prior Experiential Learning for Credit Award [APEL(C)]*, MQA (versi terkini);
- (7) Garis Panduan Amalan Baik: Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu, MQA (versi terkini);
- (8) *Guidelines to Good Practices: Micro-Credentials*, MQA (versi terkini);
- (9) *Guidelines to Evaluation of Standards for COPPA:ODL* (versi terkini);
- (10) Buku Panduan Pelajar – Permohonan Pemindahan Kredit APEL.C;
- (11) Garis Panduan Pelaksanaan Program Kerjasama Akademik Universiti Malaya; dan
- (12) Garis Panduan Pelaksanaan Program Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh Universiti Malaya.

4. DEFINISI

(1) Pembelajaran Formal

Pembelajaran formal merujuk kepada pembelajaran yang disengajakan/program pengajian yang disampaikan dalam satu konteks yang terancang dan berstruktur (pra-sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, kolej teknikal dan universiti) yang boleh membawa kepada penganugerahan formal/kelayakan yang diiktiraf.

Pemindahan kredit bagi pembelajaran formal boleh melibatkan pemindahan kredit dengan gred dan tanpa gred.

(2) Pembelajaran Tidak Formal (*informal*)

Pembelajaran tidak formal merujuk kepada pembelajaran secara berterusan sepanjang hidup serta pengalaman kerja (juga dikenali sebagai pembelajaran berasaskan pengalaman). Ia biasanya pembelajaran yang diperolehi secara tidak disengajakan.

Pemindahan kredit bagi pembelajaran tidak formal melibatkan pemindahan kredit tanpa gred.

(3) Pembelajaran Bukan Formal (*non-formal*)

Pembelajaran bukan formal merujuk kepada pembelajaran yang selari dengan sistem pendidikan dan latihan arus perdana. Ianya boleh dinilai tetapi lazimnya tidak akan membawa kepada pensijilan yang formal.

Pemindahan kredit bagi pembelajaran bukan formal melibatkan pemindahan kredit tanpa gred.

(4) *Massive Open Online Courses* (MOOC)

Terma MOOC merujuk kepada empat (4) perkara utama iaitu pengajaran yang mana penawaran kursus adalah dengan kapasiti besar, terbuka tanpa pra-syarat dan pelaksanaan atas talian yang membolehkan kursus boleh diakses di mana-mana tanpa had.

Pembelajaran menerusi MOOC boleh secara segerak (*synchronous*) dan/atau tidak segerak (*asynchronous*) di antara peserta (tenaga pengajar dan pelajar) dan kandungan kursus.

Pemindahan kredit melalui MOOC melibatkan pemindahan kredit dengan gred dan tanpa gred.

(5) *Micro-Credentials* (MC)

MC merujuk kepada pensijilan digital dan bukan digital yang diperolehi berdasarkan pembelajaran yang telah dinilai mengenai pengetahuan, kemahiran dan kompetensi di dalam bidang yang khusus yang boleh terdiri dari sebahagian dari program yang telah diakredit atau kursus persendirian (*stand-alone courses*). Kursus MC bertujuan untuk menyokong perkembangan profesional, teknikal, akademik dan peribadi pelajar.

Pemindahan kredit melalui MC melibatkan pemindahan kredit dengan gred dan tanpa gred.

(6) *Accreditation of Prior Experiential Learning for Credit Award [APEL.C]*

APEL.C menyediakan mekanisme untuk mengiktiraf pembelajaran berasaskan pengalaman terdahulu individu yang relevan dan spesifik terhadap sesuatu kursus. Kredit yang dianugerahkan adalah atas dasar pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi melalui pembelajaran tidak formal (*informal*) dan bukan formal (*non-formal*).

Penganugerahan kredit melalui APEL.C melibatkan pemindahan kredit tanpa gred.

(7) Program Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (*Open and Distance Learning, ODL*) merujuk kepada program akademik yang memberi peluang pembelajaran yang fleksibel dari segi akses dan pelbagai mod pemerolehan pengetahuan yang boleh dilaksanakan secara sepenuh masa atau separuh masa.

(a) Fleksibel bermakna ketersediaan pilihan untuk usaha pendidikan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat.

(b) Akses bermakna peluang yang disediakan kepada semua, yang dapat membebaskan mereka daripada kekangan masa dan tempat.

(c) Pelbagai mod bermaksud penggunaan pelbagai kaedah penyampaian dan sumber pembelajaran.

Pemindahan kredit bagi program ODL melibatkan pemindahan kredit dengan gred dan tanpa gred.

(8) Program Integrasi merujuk kepada konsep integrasi yang membolehkan kursus teras dalam program Sarjana ditawarkan sebagai kursus elektif bebas dalam program Sarjana Muda. Program Sarjana yang dikenalpasti hendaklah ditawarkan dalam mod kerja kursus atau mod campuran.

5. PEMINDAHAN KREDIT

Pemindahan kredit boleh dikategorikan kepada dua (2) iaitu pemindahan kredit dengan gred dan pemindahan kredit tanpa gred.

(1) Pemindahan Kredit dengan Gred

(a) "Pemindahan kredit dengan gred" bermaksud pemindahan kredit bersama-sama gred bagi kursus daripada tahap kelayakan yang sama (*horizontal*) untuk pelajar yang masih dalam pengajian.

(b) Kursus yang diluluskan pemindahan kredit dengan gred akan diberi gred yang telah disetarakan dengan skim penggredan Universiti dan kredit yang ditetapkan bagi kursus berkenaan di Universiti.

(c) Kredit yang diperolehi bersama-sama mata gred bagi kursus yang diluluskan akan diambil kira dalam pengiraan Purata Nilai Gred (PNG) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) pelajar. Kredit bagi kursus berkenaan akan diambil kira bagi tujuan keperluan penyempurnaan pengijazahan.

- (d) Bagi maksud pemindahan kredit dengan gred, pelajar hendaklah telah mengikuti kursus terdahulu dan mencapai tahap kompetensi dalam kursus yang dipohon.
- (e) Pemindahan kredit tidak terpakai secara automatik kepada kursus prasyarat (jika ada) daripada kursus yang dipohon.

(2) Pemindahan Kredit tanpa Gred

- (a) Sijil, Diploma (termasuk Diploma Eksekutif), Diploma Lanjutan dan Sarjana Muda

"Pemindahan kredit tanpa gred" bermaksud pemindahan kredit tanpa membawa gred terdahulu yang diperolehi bagi kursus daripada:

- (i) tahap kelayakan yang lebih rendah (*vertical*) untuk pelajar yang telah tamat pengajian dengan jayanya;

atau

- (ii) tahap kelayakan yang sama (*horizontal*) untuk pelajar yang:

- (A) telah tamat pengajian dengan jayanya; atau

- (B) tidak menyempurnakan pengajian (tidak termasuk pelajar yang ditamatkan daripada program pengajian) tetapi telah mencapai tahap kompetensi dalam kursus yang dipohon.

atau

- (iii) MOOC kecuali bagi program Diploma Eksekutif.

Pemindahan kredit bagi MOOC tidak dibenarkan untuk kursus Latihan Industri/Latihan Mengajar/Praktikal/Projek Tahun Akhir.

atau

- (iv) APEL.C

Pemindahan kredit melalui APEL.C dibenarkan untuk semua kursus kecuali Projek Tahun Akhir. Latihan industri yang merangkumi praktikum boleh dipertimbangkan berdasarkan kesesuaian bidang.

atau

- (v) pensijilan MC digital dan bukan digital yang dikumpul bagi tahap pengajian berkenaan.

atau

- (vi) ODL.

(b) Diploma Pascasiswazah, Sarjana dan Kedoktoran

"Pemindahan kredit tanpa gred" bermaksud pemindahan kredit tanpa membawa gred terdahulu yang diperolehi bagi kursus:

(i) dari tahap kelayakan yang lebih rendah (*vertical*)

pemindahan kredit dari program Sarjana ke Kedoktoran bagi kursus Kaedah Penyelidikan tertakluk kepada mana-mana satu (1) syarat berikut:

- (A) Lulus *proposal defence* oleh pelajar pada peringkat awal pengajian yang akan memastikan pelan pengajian lengkap dan mempunyai *academic merit*; atau
- (B) Lulus peperiksaan formal seperti *Qualifying Examination* bagi menguji kompetensi pelajar dan penguasaan konsep dalam bidang penyelidikan; atau
- (C) Mengikuti sebarang bentuk kursus / latihan yang meningkatkan kompetensi pelajar dalam menjalankan penyelidikan program kedoktoran sama ada secara umum atau spesifik.

atau

(ii) dari tahap kelayakan yang sama (*horizontal*):

- (A) untuk pelajar yang telah tamat pengajian dengan jayanya; atau
- (B) untuk pelajar yang tidak menyempurnakan pengajian (tidak termasuk pelajar yang ditamatkan daripada program pengajian) tetapi telah mencapai tahap kompetensi dalam kursus yang dipohon.

atau

(iii) dari MOOC bagi program secara Mod Campuran (komponen kursus), secara Kerja Kursus dan secara Klinikal. Pemindahan kredit MOOC tidak dibenarkan untuk kursus Laporan Projek Penyelidikan/Disertasi/Tesis.

atau

(iv) melalui APEL.C

Pemindahan kredit melalui APEL.C dibenarkan untuk semua pengajian kecuali program Sarjana dan Kedoktoran secara Penyelidikan. Kursus Laporan Projek Penyelidikan/Disertasi tidak dibenarkan untuk dipindah kredit melalui APEL.C.

atau

(v) dari pensijilan digital dan bukan digital MC yang dikumpul bagi tahap pengajian berkenaan.

atau

- (vi) ODL.
- (c) Kursus yang diluluskan pemindahan kredit tanpa gred akan diberi gred K atau CT(APEL) dan tidak perlu diganti dengan kursus lain. Kredit tidak diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK namun diambil kira bagi tujuan penyempurnaan pengijazahan.
- (d) Pelajar tidak dibenarkan membuat pemindahan kredit tanpa gred bagi kursus berikut:
 - (i) Kursus Universiti/Kursus Umum dari tahap kelayakan yang lebih rendah kecuali bagi kursus Penghayatan Etika dan Peradaban serta kursus Falsafah dan Isu Semasa serta Kursus Integriti dan Anti Rasuah; dan
 - (ii) Kursus dari tahap kelayakan yang lebih tinggi kecuali bagi kursus Kaedah Penyelidikan yang diambil di peringkat Kedoktoran.

Walau bagaimanapun, permohonan boleh dibuat dengan perakuan Jawatankuasa di peringkat PTJ tertakluk kepada pelajar mengikuti program secara penyelidikan yang tidak menetapkan kredit minimum untuk bergraduat serta hendaklah dalam bidang yang sama di antara peringkat Kedoktoran dengan peringkat Sarjana tersebut.
- (e) Pemindahan kredit tidak terpakai secara automatik kepada kursus prasyarat (jika ada) daripada kursus yang dipohon.

6. PENGECEUALIAN KURSUS

- (1) "Pengecualian Kursus" bermaksud pengecualian daripada mendaftar dan mengikuti sesuatu kursus yang diberikan kepada seseorang pelajar berdasarkan kepada kesetaraan kandungan kursus yang dipohon dengan pembuktian pengetahuan dan kemahiran pelajar.
- (2) Pengecualian kursus tidak akan menyebabkan pelajar mendapat kredit bagi kursus yang dikecualikan. Pengecualian kursus yang menyebabkan keperluan kredit bergraduat program pengajian tidak mencukupi, kursus yang dikecualikan hendaklah digantikan dengan kursus lain dari tahap pengajian yang sama.
- (3) Kursus yang diluluskan untuk pengecualian akan diberi gred K1.

7. SYARAT-SYARAT PEMINDAHAN KREDIT DAN PENGECEUALIAN KURSUS

(1) Pemindahan Kredit

- (a) Kebenaran untuk pemindahan kredit adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - (i) markah atau gred atau mata gred yang diperolehi untuk kursus berkenaan setelah disetarakan dengan skim penggredan Universiti mestilah tidak kurang daripada:

- (A) markah 50.00 atau gred C atau mata gred 2.00 bagi program Sijil, Diploma, Diploma Lanjutan dan Sarjana Muda; atau
 - (B) markah 65.00 atau gred B atau mata gred 3.00 bagi program Diploma Pascasiswazah, Sarjana dan Kedoktoran.
- (ii) kursus atau gabungan kursus yang diambil terdahulu mempunyai nilai kredit atau jam nosional yang sama atau lebih selepas penyetaraan dengan nilai kredit kursus yang ditawarkan di Universiti;
 - (iii) kursus yang diambil terdahulu mempunyai pertindihan sekurang-kurangnya 80% dengan kursus yang ditawarkan di Universiti
 - (iv) Bagi pengecualian mengikut kursus Kaedah Penyelidikan:
 - (A) Nilai kredit kursus di peringkat program Sarjana adalah sama atau lebih daripada nilai kredit kursus di peringkat Kedoktoran.
 - (B) Kerelevanan dan kekinian ilmu dan kemahiran kursus di peringkat Sarjana berdasarkan kepada keperluan pengajian pada peringkat Kedoktoran.
 - (v) kursus yang diambil terdahulu hendaklah daripada program yang telah mendapat akreditasi atau pengiktirafan daripada badan berautoriti di negara berkenaan;
 - (vi) bagi permohonan APEL.C, pencapaian bagi setiap hasil pembelajaran kursus hendaklah sekurang-kurangnya 50%;
 - (vii) jumlah maksimum kredit yang boleh dipindah adalah seperti berikut:
 - (A) Sijil, Diploma, Diploma Lanjutan dan Ijazah Sarjana Muda

Kategori	Keterangan	Had Kredit
Pemindahan kredit secara <i>horizontal</i>	(a) Pemindahan kredit dengan gred bagi pelajar yang bertukar program pengajian dalam bidang yang sama di Universiti.	Tiada had
	(b) Pemindahan kredit bagi pelajar yang telah memiliki kelayakan dan ingin melanjutkan pelajaran kali kedua dalam peringkat yang sama di Universiti.	
	(c) Pemindahan kredit bagi pelajar yang mengikut program ijazah berganda dan ijazah dual.	Tiada had

	<p>(d) Pemindahan kredit bagi pelajar yang mengikuti Program Mobiliti adalah dibenarkan tertakluk kepada tempoh pemastautin iaitu sekurang-kurangnya satu (1) semester.</p> <p>(e) Pemindahan kredit bagi kursus dari tahap kelayakan yang sama dari institusi atau universiti lain adalah dibenarkan tertakluk kepada tempoh pemastautin iaitu sekurang-kurangnya satu (1) semester.</p>	Tiada had
	<p>(f) Pemindahan kredit bagi kursus MC dari tahap kelayakan yang sama dari institusi atau universiti lain adalah dibenarkan tertakluk kepada pengesahan daripada PTj. Kursus MC hendaklah sekurang-kurangnya bernilai satu (1) kredit. Sekiranya pemindahan kredit ingin dibuat bagi kursus yang bernilai lebih daripada satu (1) kredit, maka himpunan (<i>stacking</i>) dibenarkan untuk kursus-kursus MC yang berkaitan.</p>	30% dari jumlah keseluruhan kredit.
Pemindahan kredit secara <i>vertical</i>	<p>(a) Pemindahan kredit tanpa gred bagi kelayakan peringkat Sijil Profesional.</p>	Tidak melebihi 1/3 daripada jumlah keseluruhan kredit program pengajian.
	<p>(b) Pemindahan kredit tanpa gred bagi kelayakan peringkat Diploma¹.</p>	<p>Maksimum 50% daripada jumlah kredit program yang telah diikuti dengan ketetapan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • 1%-30% (Gred

		<p>minimum kursus ialah C)</p> <ul style="list-style-type: none"> • 31%-50% (Gred minimum kursus ialah B).
	(c) Pemindahan kredit tanpa gred bagi kelayakan peringkat Diploma Lanjutan (yang turut memiliki diploma).	Boleh dipertimbangkan pemindahan kredit melebihi 1/3 tertakluk kepada kelulusan Senat.
Pemindahan Kredit Melalui APEL.C ²	Pemindahan kredit tanpa gred melalui APEL.C adalah berdasarkan pengalaman dan kemahiran terdahulu pelajar.	Tidak melebihi 1/3 daripada jumlah keseluruhan kredit program pengajian. Jumlah kredit ini tidak termasuk pemindahan kredit yang boleh dibuat bagi pembelajaran formal.

Nota:

- (1) Pindah kredit maksimum 60% peringkat Diploma dikekalkan bagi gabungan pindah kredit yang melibatkan kelayakan akademik, MOOC, MC dan APEL.C. Kelayakan akademik, MOOC dan MC merujuk kepada pembelajaran formal manakala APEL.C merujuk kepada pembelajaran tidak formal (*informal*) dan bukan formal (*non-formal*).
- (2) Untuk program Diploma Eksekutif, penyediaan pemindahan kredit tertakluk kepada 30 kredit dari jumlah kredit bergraduasi hendaklah dinilai menggunakan instrumen APEL.C.

(B) Diploma Pascasiswazah dan Ijazah Sarjana

Kategori	Keterangan	Had Kredit
Pemindahan kredit secara <i>horizontal</i>	(a) Pemindahan kredit dengan gred bagi calon yang bertukar program pengajian dalam bidang yang sama dalam Universiti.	Tiada had

	<p>(b) Pemindahan kredit bagi pelajar yang telah memiliki kelayakan dan ingin melanjutkan pelajaran kali kedua dalam peringkat yang sama.</p>	
	<p>(c) Pemindahan kredit bagi calon yang mengikuti ijazah berganda dan ijazah dual.</p>	
	<p>(d) Pemindahan kredit bagi calon yang mengikuti Program Mobiliti adalah dibenarkan tertakluk kepada tempoh pemastautin iaitu sekurang-kurangnya satu (1) semester.</p>	Tiada had
	<p>(e) Pemindahan kredit bagi kursus dari tahap kelayakan yang sama bagi calon yang mengikuti program secara kerja kursus dan mod campuran adalah dibenarkan.</p>	
	<p>(f) Pemindahan kredit bagi kursus MC dari tahap kelayakan yang sama dari institusi atau universiti lain adalah dibenarkan tertakluk kepada pengesahan daripada PTj. Kursus MC hendaklah sekurang-kurangnya bernilai satu (1) kredit. Sekiranya pemindahan kredit ingin dibuat bagi kursus yang bernilai lebih daripada satu (1) kredit, maka himpunan (<i>stacking</i>) dibenarkan untuk kursus-kursus MC yang berkaitan.</p>	30% dari jumlah keseluruhan kredit.

Pemindahan kredit secara <i>vertical</i>	(a) Pemindahan kredit dari program Sarjana ke Kedoktoran tidak dibenarkan kecuali bagi kursus Kaedah Penyelidikan.	Tidak berkenaan
	(b) Pemindahan kredit dari program integrasi Sarjana Muda kepada Sarjana. Sekiranya melibatkan universiti/insitusi yang berbeza, perlu ada perjanjian tatacara pelaksanaan.	30% daripada jumlah kredit bergraduat program Sarjana
Pemindahan Kredit Melalui APEL.C	Pemindahan kredit tanpa gred melalui APEL.C adalah berdasarkan pengalaman dan kemahiran terdahulu pelajar.	Tidak melebihi 1/3 daripada jumlah keseluruhan kredit program pengajian. Jumlah kredit ini tidak termasuk pemindahan kredit yang boleh dibuat bagi pembelajaran formal.

(C) Ijazah Kedoktoran

Kategori	Keterangan	Had Kredit
Pemindahan kredit secara <i>horizontal</i>	(a) Pemindahan kredit bagi calon yang bertukar program pengajian dalam bidang yang sama dalam Universiti.	Tiada had
	(b) Pemindahan kredit bagi pelajar yang telah memiliki kelayakan dan ingin melanjutkan pengajian kali kedua dalam peringkat yang sama.	
	(c) Pemindahan kredit bagi calon yang mengikuti ijazah berganda dan ijazah dual.	
	(d) Pemindahan kredit bagi kursus dari tahap kelayakan yang sama	Tiada had

	<p>bagi calon yang mengikuti program secara kerja kursus dan mod campuran adalah dibenarkan.</p> <p>(e) Pemindahan kredit bagi calon yang mengikuti Program Mobiliti adalah dibenarkan tertakluk kepada tempoh pemastautin sekurang-kurangnya satu (1) semester.</p>	
	<p>(f) Pemindahan kredit bagi kursus MC dari tahap kelayakan yang sama dari institusi atau universiti lain adalah dibenarkan tertakluk kepada pengesahan daripada PTj. Kursus MC hendaklah sekurang-kurangnya bernilai satu (1) kredit. Sekiranya pemindahan kredit ingin dibuat bagi kursus yang bernilai lebih daripada satu (1) kredit, maka himpunan (<i>stacking</i>) dibenarkan untuk kursus-kursus MC yang berkaitan.</p>	<p>30% dari jumlah keseluruhan kredit.</p>
<p>Pemindahan kredit secara <i>vertical</i></p>	<p>Pemindahan kredit dari program Kedoktoran ke Sarjana tidak dibenarkan kecuali bagi Kursus Kaedah Penyelidikan.</p>	<p>Tidak berkenaan</p>
<p>Pemindahan Kredit Melalui APEL.C</p>	<p>Pemindahan kredit tanpa gred melalui APEL.C adalah berdasarkan pengalaman dan kemahiran terdahulu pelajar.</p>	<p>Tidak melebihi 1/3 daripada jumlah keseluruhan kredit program pengajian. Jumlah kredit ini tidak termasuk pemindahan kredit yang boleh dibuat bagi pembelajaran formal.</p>

- (b) Pemindahan kredit dengan gred bagi kursus dari program kerjasama dengan universiti atau institusi lain yang melebihi had kredit yang ditetapkan oleh Universiti adalah tertakluk kepada kelulusan Senat dan memenuhi kredit bergraduasi minimum tahap MQF.
- (c) Kursus yang diikuti oleh pelajar semasa Program Mobiliti yang tidak tersenarai di dalam struktur pengajian ijazah boleh dipertimbangkan pemindahan kredit dengan gred tertakluk kepada kursus berkenaan mendapat perakuan Dekan Fakulti program pengajian pelajar sama ada:

- (i) menggantikan Kursus Elektif Luar Fakulti (KELF)/kursus *Student Holistic Empowerment* (SHE) dan/atau mana-mana Kursus Elektif. Gred dan mata gred kursus akan diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK serta kredit kursus berkenaan akan diambil kira bagi memenuhi keperluan penyempurnaan pengijazahan.

Bagi tujuan perenggan ini, kursus hendaklah memenuhi syarat yang dinyatakan pada subperenggan (1)(a)(i), (ii), (iii), (v) dan (vii) di atas; atau

- (ii) tidak menggantikan mana-mana kursus yang ditetapkan dalam struktur pengajian ijazah. Kursus berkenaan akan dicatatkan di dalam transkrip akademik pelajar. Gred dan mata gred kursus berkenaan akan diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK tetapi kredit kursus berkenaan tidak diambil kira dalam keperluan penyempurnaan pengijazahan.

Bagi tujuan perenggan ini, kursus hendaklah memenuhi syarat yang dinyatakan pada subperenggan (1)(a)(i) dan (v) di atas dan akan diberi nilai kredit yang telah disetarakan dengan pengiraan jam nosional Universiti.

- (d) Kursus yang diikuti semasa Program Mobiliti jangka pendek (contoh: *Summer Camp, Study Abroad* dll) boleh dipertimbangkan untuk pemindahan kredit bagi menggantikan kursus di Universiti atau dicatatkan dalam transkrip akademik tertakluk kepada kursus yang diikuti memenuhi syarat-syarat berikut:
 - (i) kursus diambil dari program akademik tahap kelayakan yang sama (*horizontal*);
 - (ii) Kursus tersebut memenuhi keperluan Hasil Pembelajaran Kursus (CLO) dan kandungan kursus serta dinilai dan diberi gred; dan
 - (iii) Masa pembelajaran pelajar bagi kursus yang diikuti mempunyai jam nosional yang sama atau lebih selepas penyetaraan dengan jam nosional yang ditetapkan bagi kursus di Universiti.
- (e) Kursus yang telah diberi pemindahan kredit hanya boleh digunakan sekali sahaja.
- (f) Pemindahan kredit bagi program profesional adalah tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan oleh badan profesional berkenaan.

- (g) Pemindahan kredit tanpa gred bagi kursus berkenaan hendaklah tidak melebihi tempoh lima (5) tahun, dari tarikh berikut, kecuali bagi bidang-bidang tertentu yang diluluskan Senat.
 - (i) Tarikh tamat pengajian di institusi *host*; atau
 - (ii) Tarikh lulus kursus di institusi *host* / *provider*.
- (h) Bagi Program Integrasi Sarjana Muda, pelajar perlu memenuhi syarat berikut:
 - (i) Kesemua keperluan minimum *Body of Knowledge* pada tahap Sarjana Muda dipenuhi oleh pelajar;
 - (ii) Program ini hanya boleh mendaftar kursus program integrasi ini pada tahun akhir; dan
 - (iii) Gred kursus program integrasi yang diikuti di peringkat Sarjana Muda akan diambil kira dalam penyempurnaan kredit bergraduat. Walau bagaimanapun, bagi tujuan pemindahan kredit di peringkat Sarjana, gred bagi kursus program integrasi yang perlu diperolehi di peringkat Sarjana Muda tersebut hendaklah sekurang-kurangnya gred B.

(2) Pengeccualian Kursus

- (a) Permohonan pengeccualian kursus hanya dibenarkan bagi kategori kursus berikut:
 - (i) Kursus Universiti/Kursus Umum dan Kursus Elektif bagi program Sijil, Diploma, Diploma Lanjutan dan Sarjana Muda.
 - (ii) Kursus Elektif bagi program Diploma Pascasiswazah, Sarjana dan Kedoktoran.
- (b) Pengetahuan dan kemahiran pelajar memenuhi sekurang-kurangnya 80% kesetaraan dengan kandungan kursus/CLO kursus yang dipohon.
- (c) Penggantian kursus yang dikeccualikan perlulah dari tahap pengajian yang sama.

8. CAJ

- (1) Pihak PTj hendaklah merujuk kepada caj yuran pengajian semasa dan menasihati pelajar berkenaan kadar caj pemindahan kredit dan pengeccualian kursus yang sewajarnya dikenakan.
- (2) Permohonan pemindahan kredit dan pengeccualian kursus adalah tertakluk kepada ketetapan jenis caj yuran pengajian program akademik yang diikuti oleh pelajar. Ketetapan tersebut adalah seperti jadual berikut:

Jenis Permohonan	Penguatkuasaan Caj Yuran Pemindahan Kredit dan Pengeccualian Kursus
(a) Program Akademik yang mana caj yuran pengajian adalah per Kredit	Caj Yuran: 30% x [Kadar yuran per kredit bagi subjek yang dipohon x jam kredit yang dipohon]
(b) Program Akademik yang mana caj yuran adalah per pakej: (i) program penyelidikan <ul style="list-style-type: none"> • Permohonan pengeccualian subjek Kaedah Penyelidikan (<i>Research Methodology</i>) bagi pelajar bertukar taraf Sarjana ke Kedoktoran. • Permohonan Pelajar Sarjana/ Kedoktoran yang memohon pengeccualian Kursus Kaedah Penyelidikan dari universiti lain. (ii) program secara klinikal (MBBS & BDS).	Tiada caj dikenakan

- (3) Kadar caj pemindahan kredit dan pengeccualian kursus hanya akan dikenakan untuk permohonan yang diluluskan.

Bagi pelajar yang telah diluluskan permohonan pemindahan kredit atau pengeccualian kursus, yuran yang telah dibayar bagi kursus tersebut tidak akan diselaraskan pada semester semasa pelajar sebaliknya akan diselaraskan pada semester berikutnya.

9. PROSEDUR PERMOHONAN

- (1) Permohonan pemindahan kredit (dengan gred dan tanpa gred) dan pengeccualian kursus hendaklah dibuat oleh pelajar dengan menggunakan borang atau prosedur yang ditetapkan oleh Universiti yang boleh dicapai dari portal pelajar di <https://umsitsguide.um.edu.my>. Borang Permohonan Pemindahan Kredit Tanpa Gred Melalui APEL.C boleh dirujuk di dalam Buku Panduan Pelajar – Permohonan Pemindahan Kredit APEL.C seperti di **Lampiran A**.
- (2) Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Dekan Fakulti program pengajian tidak lewat dari minggu kuliah ketiga Semester Biasa. Permohonan yang diterima selepas minggu kuliah ketiga Semester Biasa akan dipertimbangkan pada semester berikutnya.
- (3) Permohonan hendaklah dikemukakan dengan menyertakan bersama dokumen berikut:
 - (a) bukti bayaran caj yuran pemindahan kredit dan pengeccualian kursus atas suatu kadar yang ditetapkan.

dan

- (a) dokumen sokongan wajib antaranya salinan sijil, keputusan peperiksaan, aktiviti pembelajaran dan penilaian, CLO, silibus/kandungan kursus dan skim penggredan kursus dari institusi atau universiti lain yang berkenaan; atau
 - (b) dokumen bukti pengalaman dan kemahiran terdahulu bagi permohonan pengecualian kursus dan pemindahan kredit melalui APEL.C; atau
 - (c) dokumen bukti daripada Penyedia MOOC (*MOOC Provider*) untuk memastikan bahawa pelajar yang mendaftar dan menyelesaikan kursus MOOC adalah pelajar yang sama.
- (3) Bagi pemindahan kredit tanpa gred, permohonan hendaklah dikemukakan dalam dua (2) semester pertama pengajian. Permohonan hendaklah dikemukakan bersama dokumen berikut:
- (a) sekiranya permohonan adalah berdasarkan kelayakan yang telah diperolehi dengan jayanya, pelajar hendaklah mengemukakan salinan sijil yang telah diperolehi; atau
 - (b) sekiranya pelajar tidak berjaya menamatkan pengajian, beliau hendaklah sekurang-kurangnya telah mengikuti kursus berkenaan dengan jayanya dan mengemukakan slip keputusan peperiksaan atau transkrip akademik separa bagi program pengajian terdahulu.
- (4) PTj Akademik bertanggungjawab memastikan proses pemindahan kredit dibuat bagi pelajar yang mengikuti program Ijazah Berganda dan Ijazah Dual setelah pelajar menyempurnakan kursus berkenaan di institusi *host*.
- (5) Walau apapun yang diperuntukkan di bawah Perkara 9 ini, permohonan pemindahan kredit dan pengecualian kursus adalah tertakluk kepada prosedur semasa Universiti.

10. PROSES PERMOHONAN PEMINDAHAN KREDIT DAN PENGECEUALIAN KURSUS DI PERINGKAT PTj

(1) Permohonan untuk Pertimbangan oleh Jawatankuasa di Peringkat PTj

- (a) Permohonan pemindahan kredit dan pengecualian kursus hendaklah diteliti dan dipertimbangkan oleh satu (1) jawatankuasa di peringkat PTj sebelum dikemukakan untuk pertimbangan Jawatankuasa Induk Kurikulum (JKIK).
- (b) Proses semakan dan perakuan di peringkat PTj perlu mengambil kira perkara-perkara berikut:
 - (i) Staf pentadbiran menyemak permohonan pelajar.
 - (ii) Pelajar telah membuat bayaran yang ditetapkan dengan mengemukakan bukti bayaran.
 - (iii) Kursus yang dipohon memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Universiti Malaya mengikut tahap

pengajian berkenaan dan/atau Buku Panduan Pelajar – Permohonan Pemindahan Kredit APEL.C, UM.

- (iv) Perakuan PTj bagi kursus yang tidak memenuhi kaedah penyetaraan yang ditetapkan hendaklah mempunyai justifikasi yang kukuh dan mengambil kira perincian pemetaan kursus bagi kursus yang disetarakan.
 - (v) Perakuan PTj bagi kursus yang nilai kredit kurang daripada nilai kredit yang ditawarkan oleh Universiti hendaklah mempunyai justifikasi yang kukuh dan mengambil kira perincian penyetaraan jam nosional bagi kursus yang disetarakan.
- (c) Kaedah Penyetaraan Kursus bagi Pembelajaran Formal
- (i) Pemindahan kredit hendaklah berasaskan kepada pemetaan kursus yang diambil terdahulu dengan kursus yang ditawarkan di Universiti (*subject to subject mapping*).
 - (ii) Proses pemetaan kursus boleh berasaskan satu (1) kursus atau gabungan beberapa kursus yang diambil terdahulu. Walau bagaimanapun, kursus yang diambil terdahulu hanya boleh digunakan sekali sahaja bagi tujuan pemindahan kredit kursus di Universiti.
 - (iii) Kaedah pemetaan kursus hendaklah mengambil kira pertindihan bagi aspek-aspek (mengikut keutamaan) berikut:
 - (A) Kandungan kursus (70%)
 - (B) CLO/Objektif Kursus (30%)
 - (C) Tahap kepayahan (jika ada)
 - (D) *Currency of knowledge* bagi sesuatu program adalah lima (5) tahun.
 - (iv) Templat pemetaan kursus dan rubrik pemetaan adalah seperti diberi dalam **Lampiran B**.
- (d) Kaedah Penyetaraan Gred bagi Pembelajaran Formal
- (i) Markah atau gred atau mata gred yang diperolehi oleh pelajar akan disetarakan dengan skim penggredan Universiti.
 - (ii) Kursus yang gagal berdasarkan skim penggredan IPT luar tidak akan dipertimbangkan untuk pemindahan kredit.
- (e) Pemindahan kredit melalui APEL.C hendaklah berasaskan proses yang berikut:
- (i) Timbalan Dekan (TD) hendaklah mengenalpasti dan melantik Penasihat untuk mempertimbangkan permohonan APEL.C di PTj.
- Nota: Panduan Penasihat bagi pemindahan kredit tanpa gred melalui APEL.C adalah seperti di Kembaran 1.
- (ii) Penasihat dan pelajar berbincang proses dan prosedur APEL.C.

Borang berikut perlu dilengkapkan oleh pelajar:

- Perjumpaan Penasihat - Pelajar
 - Penilaian Kendiri bagi Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu bagi Tujuan Penganugerahan Kredit.
- (iii) TD hendaklah mengenalpasti dan Ketua PTj melantik Panel Penilai [Pakar Rujuk Subjek (SME)] dan Penilai bagi menilai permohonan pelajar yang diperakukan oleh Penasihat. Tarikh, jenis dan kriteria penilaian perlu ditetapkan terlebih dahulu.
- Borang Permohonan bagi Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu bagi Tujuan Penganugerahan Kredit
- Nota: Panduan Panel Penilai bagi pemindahan kredit tanpa gred melalui APEL.C adalah seperti di Kembaran 2.
- (iv) Panel Penilai hendaklah melaksanakan penilaian berdasarkan tarikh, jenis dan kriteria penilaian yang dikenalpasti.
- (v) TD hendaklah mengenalpasti dan Ketua PTj melantik *Moderator* bagi memudahcara instrumen penilaian adalah sesuai dengan tahap pengajian dan hasil pembelajaran kursus serta memastikan proses pemarkahan yang dibuat oleh Panel Penilai adalah konsisten dan adil.
- Nota: Panduan *Moderator* bagi pemindahan kredit tanpa gred melalui APEL.C adalah seperti di Kembaran 3.
- (vi) Panel Penilai kemukakan keputusan bagi sesi penilaian yang telah dijalankan kepada pejabat TD menerusi borang berikut:
- Keputusan Penilaian APEL.C secara *Portfolio*, dan/atau
 - Keputusan Penilaian APEL.C secara *Challenge Test*.
- (vii) TD kemukakan keputusan Panel Penilai untuk pertimbangan jawatankuasa di peringkat PTj.
- (viii) TD kemukakan perakuan jawatankuasa PTj kepada Jabatan Perancangan Strategik Akademik (ASPD) untuk pertimbangan JKIK.
- (f) Permohonan pemindahan kredit dan pengecualian kursus yang diperaku oleh jawatankuasa khas PTj hendaklah dikemukakan kepada Pusat Perancangan dan Pemantauan Akademik (PPPA), ASPD untuk pertimbangan JKIK dan Senat. Permohonan hendaklah dikemukakan bersama-sama dokumen berikut:
- (i) satu (1) salinan *hardcopy* dan *softcopy* kertas tindakan untuk mesyuarat JKIK. Kertas tindakan hendaklah mengandungi perkara berikut:
- (A) Senarai kursus yang diperaku untuk diiktiraf bagi maksud pemindahan kredit atau pengecualian kursus untuk menggantikan kursus di Universiti;

- (B) *Conversion table* yang menunjukkan perbandingan markah dan gred antara UA atau IPT luar dan Universiti. *Conversion table* perlu disertakan bersama cadangan pemindahan gred bagi kursus-kursus yang diperaku;
- (C) Borang permohonan pemindahan kredit.
- (aa) Bagi permohonan pemindahan kredit dengan gred dan permohonan untuk mencatatkan kursus dalam transkrip akademik, PTj perlu memperakukan gred untuk setiap kursus.
- Bagi permohonan pemindahan kredit tanpa gred, gred K atau CT(APEL) akan diberikan; dan/atau
- (bb) Borang permohonan pengecualian kursus.
- Bagi permohonan ini, PTj tidak perlu memperakukan sebarang gred. Pelajar akan diberi gred K1.
- (D) Perincian penyetaraan jam nosional sekiranya PTj memperaku kursus yang nilai kredit kurang daripada nilai kredit yang ditawarkan oleh Universiti.
- (ii) Salinan transkrip akademik kursus berkaitan bagi permohonan pemindahan kredit atau pengecualian kursus atau dokumen bukti pengalaman dan kemahiran terdahulu bagi permohonan pemindahan kredit melalui APEL.C.
- (iii) Salinan sijil yang telah diperolehi bagi permohonan pemindahan kredit pelajar yang telah tamat pengajian.
- (iv) Salinan keputusan peperiksaan atau transkrip separa bagi permohonan pemindahan kredit pelajar yang belum tamat pengajian.
- (v) Salinan silibus kursus, skim penggredan dan dokumen lain yang berkaitan.

Ringkasan Pemindahan Kredit dengan Gred dan Tanpa Gred adalah seperti dalam **Lampiran C**.

(2) Permohonan yang Diuruskan secara Pentadbiran di PTj

Permohonan pemindahan kredit bagi pembelajaran formal boleh diuruskan secara pentadbiran bagi kes-kes berikut:

- (a) Kursus yang telah diluluskan oleh Senat bagi maksud pemindahan kredit dan/atau pengecualian kursus dalam tempoh lima (5) tahun dari kelulusan Senat (berdasarkan 'tahun').

Contoh: Kursus yang diluluskan oleh Senat pada 26.10.2023 boleh diuruskan secara pentadbiran di PTj sehingga 31 Disember 2028.

- (b) Kursus yang mempunyai kod, tajuk dan kredit yang sama bagi kes

pertukaran program pengajian. Kursus ini termasuklah KELF/SHE dan Kursus Universiti.

Bagi permohonan pelajar yang bertukar program pengajian dari satu PTj ke PTj lain, permohonan pemindahan kredit bagi Kursus Universiti atau Kursus Teras hendaklah diuruskan oleh PTj yang menerima pelajar tersebut.

- (3) Walau apapun yang diperuntukkan di bawah Perkara 10 ini, permohonan pemindahan kredit dan pengecualian kursus adalah tertakluk kepada prosedur semasa Universiti.

11. PROSES PERMOHONAN PEMINDAHAN KREDIT DAN PENGECEUALIAN KURSUS DI PERINGKAT PUSAT

Permohonan pemindahan kredit dan pengecualian kursus yang dikemukakan oleh PTj akan diproses seperti berikut:

(1) Pusat Perancangan dan Pemantauan Akademik (PPPA), ASPD

- (a) Membuat semakan perakuan PTj dan memaklumkan sebarang penambahbaikan/pembetulan (jika perlu).
- (b) Menguruskan mesyuarat JKIK.
- (c) Mengemukakan permohonan yang dipertimbangkan oleh JKIK untuk keputusan Senat.
- (d) Memasukkan maklumat kursus yang menggunakan kod universiti luar ke sistem dalam talian. Kod UM akan diwujudkan sekiranya kod kursus melebihi lapan (8) aksara.
- (e) Mengemukakan permohonan pelajar yang diluluskan oleh Senat kepada Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan Akademik (AASD) untuk tindakan pengemaskinian sistem dalam talian.
- (f) Memaklumkan keputusan permohonan kepada pelajar dan Ketua PTj.

(2) Pusat Kemasukan dan Pendaftaran (PKP), AASD

- (a) Memasukkan maklumat penawaran kursus yang diluluskan pemindahan kredit dan/atau pengecualian kursus dalam skrin Penawaran Kursus dan Jadual Waktu.
- (b) Memasukkan kursus dalam skrin Pendaftaran pelajar. Status kursus yang diluluskan pemindahan kredit tanpa grad akan dicatatkan sebagai K atau CT(APEL) dan status kursus yang diluluskan pengecualian kursus akan dicatatkan sebagai K1.

(3) Pusat Peperiksaan dan Pengijazahan (PPP), AASD

- (a) Memasukkan grad kursus yang diluluskan oleh Senat.
- (b) Menjana keputusan peperiksaan bagi pelajar program berkenaan untuk dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa oleh PTj.

- (4) Proses Kerja Ringkas Permohonan Pemindahan Kredit dan Pengeccualian Kursus UM adalah seperti di **Lampiran D**.

12. PEMAKLUMAN KEPUTUSAN KEPADA PELAJAR

(1) Permohonan yang Diuruskan untuk Kelulusan Senat

Surat makluman kepada pelajar akan dikeluarkan oleh PPPA, ASPD dan disalinkan kepada:

- (a) AASD untuk tindakan pengemaskinian rekod pelajar di sistem dalam talian; dan
- (b) Ketua PTj untuk rekod dalam fail pelajar.

(2) Permohonan yang Diuruskan secara Pentadbiran di PTj

Surat makluman kepada pelajar akan dikeluarkan oleh Ketua PTj dan disalinkan kepada Pengarah AASD.

13. LAMPIRAN

- (1) Buku Panduan Pelajar – Permohonan Pemindahan Kredit APEL.C Lampiran A
- (2) Templat Pemetaan Kursus dan Rubrik Pemetaan Lampiran B
- (3) Ringkasan Pemindahan Kredit Dengan Gred dan Tanpa Gred Lampiran C
- (4) Proses Kerja Ringkas Permohonan Pemindahan Kredit dan Pengeccualian Kursus UM. Lampiran D

LAMPIRAN



UNIVERSITI
MALAYA

BUKU PANDUAN PELAJAR

PERMOHONAN PEMINDAHAN KREDIT APEL.C

KANDUNGAN	HALAMAN
1. TUJUAN	1
2. PENDAHULUAN DAN DEFINISI APEL.C	1
3. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PENASIHAT	1
4. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PENILAI	2
5. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN	2
6. PROSEDUR PERMOHONAN	3
7. PROSES PENILAIAN	4
8. PENGURUSAN GRED	5
9. RAYUAN	5
<i>Appendix 1</i>	
<i>Appendix 2</i>	
<i>Appendix 3</i>	
<i>Appendix 4</i>	
<i>Appendix 5</i>	

1. TUJUAN

Buku panduan ini disediakan sebagai rujukan dan panduan kepada pelajar (semua tahap pengajian) berkenaan tatacara permohonan pemindahan kredit melalui Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (APEL).

2. PENDAHULUAN DAN DEFINISI APEL.C

Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu bagi Tujuan Penganugerahan Kredit (APEL.C) diperkenalkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bagi menyokong agenda negara dalam membudayakan pembelajaran sepanjang hayat. Tujuan APEL.C adalah untuk mengiktiraf pembelajaran berasaskan pengalaman terdahulu individu untuk sesuatu kursus dalam sesuatu program akademik yang telah diakreditasi. APEL.C menyediakan mekanisme untuk mengiktiraf pembelajaran berasaskan pengalaman terdahulu individu yang relevan dan spesifik terhadap sesuatu kursus. Kredit yang dianugerahkan adalah atas dasar pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi melalui pembelajaran tidak formal (*informal*) dan bukan formal (*non-formal*). Bentuk pembelajaran seumpama ini akan diteliti dan dinilai secara rasmi. Proses ini akan menentukan sama ada pembelajaran telah berlaku dan adalah selari dengan hasil pembelajaran kursus berkenaan. Ia adalah pembelajaran individu dan bukan pengalaman individu yang dinilai.

Definisi pembelajaran tidak formal dan bukan formal adalah seperti di bawah:

- Pembelajaran tidak formal merujuk kepada pembelajaran secara berterusan sepanjang hidup serta pengalaman kerja (juga dikenali sebagai pembelajaran berasaskan pengalaman). Ia biasanya pembelajaran yang diperolehi secara tidak disengajakan.
- Pembelajaran bukan formal merujuk kepada pembelajaran yang selari dengan sistem pendidikan dan latihan arus perdana. Ianya boleh dinilai tetapi lazimnya tidak akan membawa kepada pensijilan yang formal.

Permohonan APEL.C Universiti Malaya (UM) diuruskan oleh Jabatan Perancangan Strategik Akademik (ASPD) yang berfungsi sebagai unit penyelarar. Pertimbangan permohonan pelajar pula dilakukan di Pusat Tanggungjawab (PTj) yang berkenaan.

3. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PENASIHAT

Penasihat adalah Ketua Jabatan atau Penyelaras Program atau staf akademik yang bertanggungjawab menasihati pelajar yang memohon pemindahan kredit tanpa gred melalui APEL.C dalam sesuatu bidang/disiplin.

Tanggungjawab Penasihat adalah:

- (1) Menyokong prinsip dan manfaat APEL.C.
- (2) Menunjukkan sikap yang terbuka terhadap penilaian alternatif kepada penilaian tradisional dan tingkah laku.
- (3) Menggalakkan pelbagai penilaian APEL.C.
- (4) Membekalkan pelajar dengan nasihat yang jelas, konsisten dan tepat bagi permohonan serta prosedur penilaian APEL.C.

- (5) Membantu pelajar mengenalpasti pengetahuan, pengalaman dan kemahiran mereka.
- (6) Membantu pelajar untuk menyediakan dokumentasi atau bukti sokongan yang mencukupi untuk permohonan pemindahan kredit melalui APEL.C.
- (7) Memberi pemahaman kepada pelajar bahawa permohonan APEL.C bukan merupakan pilihan yang mudah dan ia memerlukan keyakinan dan usaha individu yang tinggi. Jika pelajar itu telah dimaklumkan sepenuhnya berkenaan proses dan keperluan APEL.C, pelajar tersebut akan dapat menilai sama ada mereka wajar mengambil kursus melalui pendaftaran kursus secara biasa atau memohon pemindahan kredit tanpa gred melalui APEL.C.

4. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PANEL PENILAI

Timbalan Dekan PTj Akademik (TD) bertanggungjawab mengenalpasti Panel Penilai dan Ketua PTj melantik Panel Penilai untuk menilai permohonan bagi pemindahan kredit tanpa gred melalui APEL.C yang diterima dari pelajar pada sesuatu semester.

Panel Penilai yang dilantik terdiri dari sekurang-kurangnya dua (2) orang staf akademik seperti berikut:

- (1) Pakar Rujuk Subjek (SME) - staf yang bidang kepakaran adalah sama dengan kursus yang dipohon.
- (2) Penilai - staf yang bidang kepakaran sama atau hampir sama dengan kursus yang dipohon oleh pelajar bagi membantu SME dalam membuat penilaian.

Tanggungjawab Panel Penilai adalah:

- (1) Berurusan dengan Penasihat APEL.C di PTj berkenaan permohonan pelajar serta menentukan jenis dan kriteria penilaian pelajar dalam tempoh maksimum sepuluh (10) hari bekerja dari tarikh permohonan pelajar diterima.
- (2) Menyediakan instrumen penilaian, skema pemarkahan dan rubrik yang sesuai dan selaras dengan tahap, kandungan dan hasil pembelajaran kursus.
- (3) Bagi penilaian portfolio, keputusan hendaklah dibuat berdasarkan bukti sahih/dokumen rasmi pembelajaran pelajar yang bersesuaian dengan hasil pembelajaran kursus.
- (4) Proses penilaian mesti dibuat secara sahih, telus dan adil.

5. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- (1) Pelajar yang telah diterima masuk untuk mengikuti program pengajian di UM boleh memohon pemindahan kredit tanpa gred bagi sesuatu kursus melalui APEL.C mengikut kaedah-kaedah yang telah ditetapkan.
- (2) Pelajar masih belum mendaftar bagi kursus yang dipohon.
- (3) Permohonan bagi pemindahan kredit adalah dibuka kepada semua pelajar yang mendaftar bagi semua tahap pengajian. Walau bagaimanapun permohonan bagi program Sarjana dan Kedoktoran hanya dibuka bagi pelajar yang mengikuti program secara Mod Campuran (komponen kursus), secara Kerja Kursus dan

secara Klinikal.

- (4) Pemindahan kredit melalui APEL.C tidak dibenarkan untuk Projek Tahun Akhir/Laporan Projek Penyelidikan/Disertasi/Tesis.
- (5) Jumlah kredit yang boleh dipindahkan adalah tidak melebihi satu pertiga (1/3) daripada jumlah kredit keseluruhan program pengajian.
- (6) Pertimbangan hanya diberikan kepada kursus yang dipohon. Kursus pra-syarat tidak akan diberi secara automatik.
- (7) Kredit yang dipindahkan melalui APEL.C boleh dipindahkan ke program lain secara automatik dalam Universiti sekiranya hasil pembelajaran kursus adalah sama.
- (8) Penilaian akan dibuat secara berasingan bagi setiap kursus yang dipohon. Penganugerahan kredit secara blok adalah tidak dibenarkan.
- (9) Permohonan pemindahan kredit melalui APEL.C bagi program-program profesional adalah tertakluk kepada persetujuan badan profesional berkenaan.
- (10) Pelajar yang tidak berjaya dalam *Challenge Test* atau *Portfolio* hendaklah mendaftar bagi kursus tersebut secara biasa.
- (11) Kursus yang telah diluluskan pemindahan kredit tanpa gred melalui APEL.C tidak boleh ditarik balik atau didaftar semula oleh pelajar bagi maksud mempertingkatkan PNGK.

6. PROSEDUR PERMOHONAN

- (1) Pelajar hendaklah melengkapkan maklumat Bahagian A, borang Perjumpaan Penasihat – Pelajar (rujuk *Appendix 1*) dan mengemukakannya kepada pejabat TD. Permohonan tersebut disyorkan untuk dikemukakan dalam tempoh dua (2) semester pertama pengajian.
- (2) Permohonan pelajar hendaklah melalui prosedur berikut:
 - (a) mendapatkan nama Penasihat dan tarikh temujanji dari pejabat TD.
 - (b) Setelah berbincang dengan Penasihat, pelajar melaksana penilaian sendiri bagi kursus yang ingin dipohon dengan menggunakan borang Penilaian Kendiri Bagi Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu Bagi Tujuan Penganugerahan Kredit (rujuk *Appendix 2*).
 - (c) Pelajar kemuka borang *Self Assesment for Accreditation of Prior Experiential Learning for Credit Award* yang telah dilengkapkan kepada Pejabat TD yang berkenaan selewat-lewatnya pada minggu kuliah keempat semester biasa.
 - (d) Pelajar menerima makluman dari Pejabat TD mengenai permohonan bagi penilaian sendiri yang dikemukakan. Sekiranya permohonan pelajar tidak layak, pelajar hendaklah mendaftar bagi kursus tersebut secara biasa.

- (e) Bagi permohonan yang diperakukan oleh Penasihat, pelajar hendaklah kemukakan Borang Permohonan bagi Pengakreditasi Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu bagi Tujuan Penganugerahan Kredit (rujuk *Appendix 3*) kepada Pejabat TD.
 - (f) Menjalani sesi penilaian mengikut jadual yang ditetapkan.
- (3) Pelajar boleh menyemak status permohonan di pejabat TD setelah keputusan dibuat oleh mesyuarat Senat.
 - (4) Ringkasan proses permohonan menerusi APEL.C adalah seperti di *Appendix 4*.

7. PROSES PENILAIAN

- (1) Proses penilaian terhadap permohonan APEL.C melibatkan penentuan sama ada pemohon telah mencapai kriteria minima hasil pembelajaran kursus (CLO) bagi kursus yang dipohon. Penentuan ini dilaksanakan dengan penilaian yang teliti terhadap bukti dan dokumen serta prestasi pelajar dalam tugas yang diberi.
- (2) Pelajar dikehendaki menduduki sama ada *Challenge Test* atau *Portfolio* (atau kedua-duanya sekali) atau mana-mana bentuk penilaian lain yang ditentukan bergantung kepada keperluan kursus berkenaan serta atas nasihat Penasihat APEL.C di PTj.

(a) *Challenge Test*

Mod penilaian *Challenge Test* boleh ditetapkan di dalam pelbagai bentuk seperti ujian bertulis, ujian lisan, penghasilan produk, perisian, manuskrip, tugas, persembahan/skor muzik dan sebagainya.

Panel Penilai perlu menyediakan skema pemarkahan dan/atau rubrik penilaian bagi memastikan proses penilaian adalah yang boleh dipercayai (*reliable*) dan sah (*valid*).

(b) *Portfolio*

Portfolio adalah dokumen rasmi yang mengandungi kompilasi bukti-pembelajaran yang telah diperolehi berasaskan pengalaman terdahulu pelajar dalam satu tempoh tertentu. Pelajar menyediakan kompilasi dokumen dengan tujuan untuk membuktikan bahawa pengetahuan dan kemahiran yang telah diperolehi adalah relevan dan spesifik dengan setiap hasil pembelajaran kursus bagi kursus berkenaan (rujuk *Appendix 5*).

Panel Penilai perlu menyediakan skema pemarkahan dan rubrik penilaian bagi memastikan proses penilaian adalah boleh dipercayai (*reliable*) dan sah (*valid*).

- (3) Kriteria bagi permohonan yang berjaya adalah salah satu dan/atau kedua-dua mod penilaian bagi pemindahan kredit tanpa gred hendaklah mencapai sekurang-kurangnya 50% daripada setiap satu hasil pembelajaran kursus.

8. PENGURUSAN GRED

Kursus yang diluluskan pemindahan kredit tanpa gred melalui APEL.C akan diberi gred CT(APEL). Kredit tidak diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK namun diambilkira bagi tujuan penyempurnaan pengijazahan.

Makluman keputusan kepada pelajar akan dikeluarkan oleh ASPD.

9. RAYUAN

Sebarang rayuan terhadap keputusan hendaklah dikemukakan kepada Pejabat TD berkenaan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh pemakluman keputusan rasmi. Ketua PTj bertanggungjawab untuk melantik Panel Penilai yang berlainan bagi membuat penilaian semula permohonan pelajar berkenaan.

Dalam pertimbangan rayuan tersebut, pelajar tidak boleh mengemukakan bukti baharu.

Jika keputusan rayuan tidak berjaya, pelajar perlu mendaftar kursus tersebut secara biasa.

**BORANG PERJUMPAAN PENASIHAT - PELAJAR
(ADVISOR – STUDENT MEETING FORM)**

**BAHAGIAN A: BUTIRAN PEMOHON
(PART A: APPLICANT PARTICULARS)**

Nama (Name)	:	
No. Pendaftaran (Registration No.)	:	
Akademi/Fakulti/Institut/Pusat (Academy/Faculty/Institute/Centre)	:	
Nama Program (Name of Programme)	:	
Kod Kursus (Course Code)	:	
Tajuk Kursus (Course Title)	:	
Bilangan Kredit (No. of Credit)	:	
Semester/Sesi Akademik (Semester/Academic Session)	:	
Alamat E-mel (Email Address)	:	

**BAHAGIAN B: SENARAI SEMAK PENASIHAT *Sila tandakan (√) yang mana berkaitan
(PART B: ADVISOR CHECKLIST *Please tick (√) whichever applicable.)**

Nama (Name) :

Jabatan/Fakulti
(Department/Faculty) :

Tarikh Perjumpaan
(Date of meeting) :

a)	Membekalkan pelajar dengan panduan bertulis yang jelas, konsisten dan tepat bagi permohonan dan prosedur penilaian APEL.C. (Provide learners with clear, consistent, accurate and written guidelines on APEL.C application and assessment procedures.)	
b)	Menyampaikan harapan APEL.C dengan jelas dan menyediakan persekitaran yang menyokong. (Communicate APEL.C expectations clearly and provide a supportive environment.)	
c)	Membantu pelajar yang memohon APEL.C untuk mengenal pasti matlamat pendidikan dan kerjaya mereka. (Assist learners applying for APEL.C to identify their educational and career goals.)	
d)	Membantu pelajar dalam mengenal pasti pengetahuan berasaskan pengalaman dan kemahiran bagi setiap hasil pembelajaran kursus (CLO). [Assist learners in identifying their experiential knowledge and skills for each Course Learning Outcome (CLO).]	
e)	Menemu ramah, melatih dan memberi maklum balas berterusan kepada pelajar. (Interview, coach and provide constant feedback to learners.)	
f)	Menggalakkan individu untuk berdikari sepanjang proses APEL.C.	

	<i>(Promote individual independence throughout the APEL.C process.)</i>	
g)	Menghubungkan pelajar dengan sumber yang sesuai, contohnya bengkel pembangunan portfolio dan lain-lain. <i>(Link learners to appropriate resources, e.g. portfolio development workshops etc.)</i>	
h)	Membantu pelajar dalam mengenal pasti kaedah penilaian yang sesuai. <i>(Assist learners in identifying suitable mode of assessment.)</i>	
i)	Menerangkan proses pasca penilaian untuk pelajar yang tidak berjaya. <i>(Explain post-assessment process for unsuccessful learners.)</i>	
j)	Menasihati pelajar berkenaan tatacara pemprosesan dan caj pemindahan kredit berkaitan. <i>(Advise learners regarding processing procedure and fees related to APEL.C credit transfer).</i>	

Saya mengesahkan bahawa saya telah menyampaikan maklumat berkenaan kepada pelajar:
(I confirm that I have provided the information to the student)

.....
Tandatangan Penasihat
(Advisor's Signature)

Saya memahami sepenuhnya maklumat yang telah diberikan.
(I fully understand the information that had been given to me.)

.....
Tandatangan Pemohon
(Applicant's Signature)

Appendix 2

**BORANG PENILAIAN KENDIRI BAGI PENGAKREDITAN PEMBELAJARAN
BERASASKAN PENGALAMAN TERDAHULU BAGI TUJUAN
PENGANUGERAHAN KREDIT
(SELF ASSESMENT FORM FOR ACCREDITATION OF PRIOR EXPERIENTIAL LEARNING
FOR CREDIT AWARD)**

**BAHAGIAN A - Diisi oleh pemohon:
(PART A - To be completed by applicant:)**

1. BUTIRAN PEMOHON (APPLICANT PARTICULARS)

Nama (Name)	:	
No. Pendaftaran (Registration No.)	:	
Akademi/Fakulti/Institut/Pusat (Academy/Faculty/Institute/Centre)	:	
Nama Program (Course Name)	:	
Kod Kursus (Module Code)	:	
Tajuk Kursus (Course Title)	:	
Bilangan Kredit (No. of Credit)	:	
Semester/Sesi Akademik (Semester/Academic Session)	:	
Alamat E-mel (Email Address)	:	

**2. LATIHAN PENILAIAN KENDIRI *Sila tandakan (√) yang mana berkaitan
(SELF ASSESMENT EXERCISE *Please tick (√) whichever applicable.)**

Hasil Pembelajaran Kursus [Course Learning Outcomes (CLO)] Setelah menamatkan kursus ini, pelajar seharusnya dapat: (On completion of this course, learner should be able to:)	*Saya telah mempelajari perkara ini melalui pengajian atau kerjaya saya yang terdahulu dan dapat memberikan bukti / dokumen / sijil (*I have learned this through my former studies or working career and can provide paper evidence/ documents/ certificate)	Saya mengetahui kebanyakan perkara ini tetapi saya tidak mempunyai bukti berasaskan dokumen (I know most of these, but I have no paper evidence)	Saya bersedia menyelesaikan tugas/tugasan atau sebarang bentuk penilaian yang relevan untuk menunjukkan bahawa saya telah mempelajari perkara ini (I am willing to complete the task/ assignment or any form of relevant assessment to show I have learned this)	Saya perlu mengambil modul ini (I need to take the module)
CLO 1				
CLO 2				
CLO 3				

CLO 4				
CLO 5				
CLO 6				
CLO 7				

* Sila serahkan semua dokumen yang berkaitan dan bukti pembayaran hendaklah diserahkan setelah kelulusan diperolehi. (**Please submit all relevant documents and proof of payment should be submitted once approval is obtained.*)

3. RINGKASAN PEMBELAJARAN BERASASKAN PENGALAMAN (*BRIEF SUMMARY OF EXPERIENTIAL LEARNING*)

Tulis dan kemukakan ringkasan sekurang-kurangnya 500 patah perkataan berdasarkan pengalaman anda sebelum ini yang berkaitan dengan permohonan.
(*Write and submit a minimum of 500-words based on your prior experiences related to the application.*)

Perakuan (*Declaration*):

Saya dengan ini mengesahkan semua maklumat dan dokumen yang disediakan adalah betul dan merupakan hasil kerja saya sendiri.
(*I hereby confirm that all the information and documents provided are correct and of my own work.*)

Saya memahami sepenuhnya bahawa Universiti Malaya mempunyai hak untuk menolak permohonan saya sekiranya terbukti sebaliknya.
(*I fully understand that Universiti Malaya reserves the right to reject my application if proven otherwise.*)

Nama (*Name*):

Tarikh (*Date*):

BAHAGIAN B (PART B)

Untuk kegunaan pejabat (*For office use*):

Diterima oleh (*Received by*):

Tarikh (*Date*):

Cop Rasmi (*Official Stamp*):

Perakuan Penasihat (*Recommendation of Advisor*)
Sila tandakan (✓) yang mana berkaitan (*Please tick (✓) whichever applicable*)

Diperaku (<i>Recommended</i>)	
Tidak diperaku (<i>Not recommended</i>)	

Peraku* kaedah penilaian (*Recommended* mode of assessment*)

<i>Challenge Test</i>	
<i>Portfolio</i>	

*Sekiranya permohonan diperaku oleh Penasihat
(*If application is recommended by Advisor*)

	<p>Ulasan/Komen (<i>Remarks/Comments</i>):</p> <p>..... Tandatangan (<i>Signature</i>)</p> <p>Nama (<i>Name</i>): Tarikh (<i>Date</i>): Cop Rasmi (<i>Official Stamp</i>):</p>
--	--

Appendix 3

**BORANG PERMOHONAN BAGI PENGAKREDITAN PEMBELAJARAN BERASASKAN
PENGALAMAN TERDAHULU BAGI TUJUAN PENGANUGERAHAN KREDIT
(APPLICATION FORM FOR ACCREDITATION OF PRIOR EXPERIENTIAL LEARNING
FOR CREDIT AWARD)**

**BAHAGIAN A - Diisi oleh pemohon:
(PART A - To be completed by applicant:)**

Nama (<i>Name</i>)	
No. Pendaftaran (<i>Registration No.</i>)	
Akademi/Fakulti/Institut/Pusat (<i>Academy/Faculty/Institute/Centre</i>)	
Nama Program (<i>Name of Programme</i>)	
Kod Kursus (<i>Course Code</i>)	
Tajuk Kursus (<i>Course Title</i>)	
Bilangan Kredit (<i>No. of Credit</i>)	
Semester/Sesi Akademik (<i>Semester/Academic Session</i>)	
Alamat E-mel (<i>Email Address</i>)	

Saya dengan ini (*I hereby*):

- (1) mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua terma dan syarat yang dinyatakan di bawah peruntukan APEL.C Universiti Malaya; dan (*Declare that I have read and understood all the terms and conditions stipulated under the provision of APEL.C of Universiti Malaya; and*)
- (2) mengesahkan bahawa semua maklumat/dokumen yang dikemukakan untuk menyokong permohonan ini adalah sah, benar dan tepat. (*Declare that all the information/documents provided to support this application are authentic, true and accurate.*)

Saya memahami sepenuhnya bahawa Universiti Malaya mempunyai hak untuk menolak permohonan saya sekiranya terbukti sebaliknya.
(*I fully understand that Universiti Malaya reserves the right to reject my application if proven otherwise.*)

Saya juga bersetuju dengan kaedah penilaian yang diperakukan oleh Penasihat APEL.C.
(*I also agree to the mode of assessment recommended by the APEL.C Advisor.*)

Nama (*Name*):
Tarikh (*Date*):

BAHAGIAN B (PART B):

Untuk kegunaan pejabat (For Office Use):

A. PANEL PENILAI (PANEL OF ASSESSORS)

i) Butiran (*Details*):

	Pakar Rujuk Subjek [Subject Matter Expert (SME)]	Penilai (Assessor)
Nama (<i>Name</i>)		
Bidang Kepakaran (<i>Field of Specialization</i>)		
Jabatan (<i>Department</i>)		
Akademi/Fakulti/Institut/Pusat (<i>Academy/Faculty/Institute/ Centre</i>)		
Nombor Telefon (<i>Phone Number</i>)		

ii) Keputusan Penilaian (*Assessment Results*):

Jenis Penilaian (Type of Assessment)	*Markah (%) [*Marks (%)]	Ulasan (Remarks)
<i>Challenge Test</i>		
<i>Portfolio</i>		
Lain-lain (<i>Others</i>)		

* Sila lampirkan laporan terperinci (*Please Attach detailed report*)

iii) Perakuan (*Recommendation*):

<p>SME</p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 30px; height: 20px;"></td> <td style="padding: 2px;">Diperaku (<i>Recommended</i>)</td> </tr> <tr> <td style="width: 30px; height: 20px;"></td> <td style="padding: 2px;">Tidak Diperaku (<i>Not Recommended</i>)</td> </tr> </table> <p>Ulasan (<i>Comments</i>):</p> <hr style="border: 0; border-top: 1px solid black; margin-bottom: 5px;"/> <hr style="border: 0; border-top: 1px solid black; margin-bottom: 5px;"/> <hr style="border: 0; border-top: 1px solid black; margin-bottom: 5px;"/> <p>-----</p> <p>Nama (<i>Name</i>): Tarikh (<i>Date</i>): Cop Rasmi (<i>Official stamp</i>):</p>		Diperaku (<i>Recommended</i>)		Tidak Diperaku (<i>Not Recommended</i>)	<p>Penilai (<i>Assessor</i>)</p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 30px; height: 20px;"></td> <td style="padding: 2px;">Diperaku (<i>Recommended</i>)</td> </tr> <tr> <td style="width: 30px; height: 20px;"></td> <td style="padding: 2px;">Tidak Diperaku (<i>Not Recommended</i>)</td> </tr> </table> <p>Ulasan (<i>Comments</i>):</p> <hr style="border: 0; border-top: 1px solid black; margin-bottom: 5px;"/> <hr style="border: 0; border-top: 1px solid black; margin-bottom: 5px;"/> <hr style="border: 0; border-top: 1px solid black; margin-bottom: 5px;"/> <p>-----</p> <p>Nama (<i>Name</i>): Tarikh (<i>Date</i>): Cop Rasmi (<i>Official stamp</i>):</p>		Diperaku (<i>Recommended</i>)		Tidak Diperaku (<i>Not Recommended</i>)
	Diperaku (<i>Recommended</i>)								
	Tidak Diperaku (<i>Not Recommended</i>)								
	Diperaku (<i>Recommended</i>)								
	Tidak Diperaku (<i>Not Recommended</i>)								

**BAHAGIAN C (PART C):
PEJABAT TIMBALAN DEKAN (*DEPUTY DEAN'S OFFICE*)**

Ulasan (*Comments*):

	Pertimbangan JKID/JKIT/JK Khas PTj (<i>JKID/JKIT/JK Khas RC Consideration</i>)
	Pelantikan Penilai tambahan* (<i>Appointment of an additional assessor*</i>)

* Diperlukan jika tiada persetujuan keputusan antara SME dan Penilai.
(*Required if there is no consensus of result between SME and Assessor*).

Timbalan Dekan (*Deputy Dean*)

Nama (*Name*):
Tarikh (*Date*):
Cop Rasmi (*Official stamp*):

Appendix 4

RINGKASAN PROSES PERMOHONAN MENERUSI APEL.C	
TD PTj	Taklimat dan pemakluman mengenai APEL.C kepada pelajar sewaktu minggu orientasi
Pelajar dan Pejabat TD	Pelajar berminat mendapatkan maklumat daripada Pejabat TD. Pejabat TD aturkan temujanji untuk berjumpa Penasihat
Pelajar dan Penasihat	Pelajar berbincang mengenai proses dan prosedur APEL.C dengan Penasihat. (<i>Appendix 1 – Borang Perjumpaan Penasihat - Pelajar</i>)
Pelajar	Pelajar hantar permohonan borang penilaian sendiri kepada Pejabat TD [<i>Appendix 2 – Borang Penilaian Kendiri Bagi Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu Bagi Tujuan Penganugerahan Kredit</i>]
Penasihat dan Pejabat TD	Penasihat menilai dan memberi perakuan Sekiranya ditolak, Pejabat TD akan maklumkan kepada pelajar. Sekiranya berjaya, pelajar kemuka borang permohonan [<i>Appendix 3 – Borang Permohonan Bagi Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu Bagi Tujuan Penganugerahan Kredit</i>]
Pejabat Ketua PTj	Ketua PTj akan melantik Panel Penilai dengan cadangan daripada Penasihat
Panel Penilai	Panel Penilai terima permohonan dan syorkan jenis penilaian untuk dimaklumkan kepada TD
Panel Penilai	Panel Penilai menyediakan instrumen penilaian, skema pemarkahan dan rubrik yang sesuai dan selaras dengan tahap, kandungan dan hasil pembelajaran kursus

Pejabat TD	TD memaklumkan kepada pelajar tarikh, jenis dan kriteria penilaian
Panel Penilai dan Pelajar	Laksana penilaian berdasarkan kriteria penilaian
Panel Penilai	Melengkapkan penilaian dalam borang permohonan APEL.C dan hantar ke TD dalam tempoh yang ditetapkan. (Appendix 3: Borang Permohonan Bagi Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu Bagi Tujuan Penganugerahan Kredit)
Pejabat TD	Kemuka perakuan Panel Penilai untuk pertimbangan jawatankuasa peringkat PTj.
Pejabat TD	Kemuka semua permohonan yang dipertimbangkan oleh PTj kepada ASPD untuk pertimbangan JKIK.
ASPD	Semak permohonan yang dikemukakan oleh PTj.
ASPD	Urus Mesyuarat JKIK.
ASPD	Kemuka permohonan yang dipertimbangkan oleh JKIK untuk keputusan Senat.
ASPD	Maklumkan kepada pelajar keputusan Senat. Kemuka permohonan yang dluluskan oleh Senat kepada AASD untuk pengemaskinian maklumat sistem dalam talian.

AASD	Kemaskini maklumat pelajar di sistem dalam talian.
Pejabat TD	Kemaskini pengkalan data.

Appendix 5

**BORANG PENYERAHAN PORTFOLIO OLEH PELAJAR UNTUK PERMOHONAN APEL.C
[PORTFOLIO SUBMISSION FORM BY STUDENT FOR APEL.C APPLICATION]**

BUTIRAN PERIBADI (PERSONAL PARTICULARS)

Nama (Name)	:	
No. Pendaftaran (Registration No.)	:	
Akademi/Fakulti/Institut/Pusat (Academy/Faculty/Institute/Centre)	:	
Nama Program (Name of Programme)	:	

MAKLUMAT KURSUS (COURSE DETAILS)

Tajuk Kursus (Course Title)			
Kod Kursus (Course Code)			
Sinopsis Kursus (Course Synopsis)			
Hasil Pembelajaran Kursus [Course Learning Outcome (CLO)]	Pernyataan Pembelajaran (Learning Statements)	Asal/Sumber Pembelajaran (Origin/Source of Learning)	Dokumen Sokongan* (Supporting Documentation*)
1. CLO 1			
2. CLO 2			
3. CLO 3			

Saya mengesahkan bahawa semua maklumat/dokumen* yang dikemukakan untuk menyokong permohonan ini adalah sahih, benar dan tepat. Saya memahami sepenuhnya bahawa Universiti Malaya mempunyai hak untuk menolak permohonan saya sekiranya terbukti sebaliknya. (*I hereby declare that all the information/documents* provided to support this application are authentic, true and accurate. I fully understand that Universiti Malaya reserves the right to reject this application if proven otherwise.*)

Nama (Name):

Tarikh (Date):

*Senarai dokumen sokongan yang boleh diterima (*List of accepted supporting documents*):

Sijil dan Diploma yang disahkan benar, rakaman video, surat sokongan dan kenyataan dari badan yang berkaitan, bahan akhbar, gambar, artifak yang berkaitan, akuan berkanun, penerbitan akademik, skor muzik, hak cipta dan paten. (*Certified true copies of Certificates, Diplomas, video recordings, referral letters, and statements from relevant bodies, press material, pictures, relevant artefacts, statutory declaration, academic publication, music scores, copyright and patents.*)

Lampiran B

Jadual Pemetaan Kursus xxxx Universiti Malaya dan Kursus xxxx Institusi Luar (*Host Institution*) / *Provider* xxx

Perkara		Catatan
Tajuk/ Kod	Host (Institusi Luar / <i>Provider</i>)	
	Universiti Malaya	
Tahap Kepeyahan (jika ada)		
<i>Currency of knowledge</i> bagi sesuatu program adalah sekitar lima (5) tahun.		

Perkara	<i>Host (Institusi Luar / Provider)</i>	<i>Home (Universiti Malaya)</i>	Penyetaraan	
			Peratus persamaan	Markah (Peratus x Wajaran*)
Tajuk/Kod				
Kandungan Kursus (Wajaran = 0.7) (Berdasarkan minggu pengajian, topik kursus dan/atau lain-lain) Contoh: (1). 12/14 minggu			Contoh: 12 minggu /14 minggu = 85.7%	$\% \times 0.7 =$ i.e. $85.7\% \times 0.7 = \mathbf{60\%}$

(2). 4/6 topik																										
2. Kandungan Objektif/ Hasil Pembelajaran Kursus (CLO) (Wajaran = 0.3)	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil</th> <th>Kandungan CLO</th> </tr> </thead> <tbody> <tr><td>1</td><td></td></tr> <tr><td>2</td><td></td></tr> <tr><td>3</td><td></td></tr> <tr><td>4</td><td></td></tr> </tbody> </table>		Bil	Kandungan CLO	1		2		3		4		<table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil</th> <th>Kandungan CLO</th> </tr> </thead> <tbody> <tr><td>1</td><td></td></tr> <tr><td>2</td><td></td></tr> <tr><td>3</td><td></td></tr> <tr><td>4</td><td></td></tr> </tbody> </table>		Bil	Kandungan CLO	1		2		3		4		Contoh: i.e. 2/3 = 67%	$\% \times 0.3 =$ i.e. $67\% \times 0.3 =$ 20.1%
	Bil	Kandungan CLO																								
	1																									
	2																									
	3																									
4																										
Bil	Kandungan CLO																									
1																										
2																										
3																										
4																										
**Jumlah Peratus Pertindihan Keseluruhan																										
Keputusan				Lulus / Tidak Lulus***																						
CATATAN PTj:																										

* Wajaran bagi Kandungan Kursus adalah 0.7 dah wajaran bagi CLO adalah 0.3

** Jumlah Peratus Pertindihan Keseluruhan Perlu mencapai $\geq 80\%$.

*** Potong yang tidak berkenaan

Jumlah Peratus Pertindihan Keseluruhan	Keputusan
80% - 100%	Lulus
0 - 79%	Tidak Lulus

LAMPIRAN C

RINGKASAN PEMINDAHAN KREDIT DENGAN GRED

Institusi Kursus Diambil (<i>Host</i>)	Pelajar	No Matriks	Tahap Pengajian		Jumlah kursus di UM yang dimohon untuk pemindahan kredit	Rujukan Lampiran	Tarikh Mesyuarat Fakulti
			<i>Host</i>	UM			

RINGKASAN PEMINDAHAN KREDIT TANPA GRED

Institusi Kursus Diambil (<i>Host</i>)	Pelajar	No Matriks	Tahap Pengajian		Jumlah kursus di UM yang dimohon untuk pemindahan kredit	Rujukan Lampiran	Tarikh Mesyuarat Fakulti
			<i>Host</i>	UM			

Lampiran C1

DENGAN GRED	
TANPA GRED	

Tandakan ✓ dipetak yang berkaitan

A. Maklumat Pelajar dan Perakuan Gred

Nama Pelajar							No. Matriks		
HOST				HOME	Universiti Malaya		Pertindahan Kursus (%)	Lampiran Jadual Pemetaan	Gred Diperakukan*
Kod Kursus	Tajuk Kursus	Kredit	Gred	Kod Kursus	Tajuk Kursus	Kredit			

*Berdasarkan **Jadual Penukaran** di bahagian B. Nyatakan gred K bagi kategori permohonan pemindahan Tanpa Gred.

Lampiran C(a)

Jadual Pemetaan Kursus xxxx Universiti Malaya dan Kursus xxxx Institusi Luar / *Provider (Host Institution xxx)*

Perkara		Catatan
Tajuk/ Kod	Host (Institusi Luar / <i>Provider</i>)	
	Universiti Malaya	
Tahap Kepayahan (jika ada)		
<i>Currency of knowledge</i> bagi sesuatu program adalah sekitar lima (5) tahun.		

Perkara	Host	Home Universiti Malaya	Penyetaraan	
			Peratus persamaan	Markah (Peratus x Wajaran*)
Tajuk/Kod				
1. Kandungan Kursus (Wajaran = 0.7)				

2. Kandungan Objektif/ Hasil Pembelajaran Kursus (CLO) (Wajaran = 0.3)	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil</th> <th>Kandungan CLO</th> </tr> </thead> <tbody> <tr><td>1</td><td></td></tr> <tr><td>2</td><td></td></tr> <tr><td>3</td><td></td></tr> <tr><td>4</td><td></td></tr> </tbody> </table>		Bil	Kandungan CLO	1		2		3		4		<table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil</th> <th>Kandungan CLO</th> </tr> </thead> <tbody> <tr><td>1</td><td></td></tr> <tr><td>2</td><td></td></tr> <tr><td>3</td><td></td></tr> <tr><td>4</td><td></td></tr> </tbody> </table>		Bil	Kandungan CLO	1		2		3		4			
	Bil	Kandungan CLO																								
	1																									
	2																									
	3																									
4																										
Bil	Kandungan CLO																									
1																										
2																										
3																										
4																										
**Jumlah Peratus Pertindihan Keseluruhan																										
Keputusan																										
Lulus / Tidak Lulus^{***}																										
CATATAN PTj:																										

* Wajaran bagi Kandungan Kursus adalah 0.7 dah wajaran bagi CLO adalah 0.3

** Jumlah Peratus Pertindihan Keseluruhan Perlu mencapai $\geq 80\%$.

*** Potong yang tidak berkenaan

Jumlah Peratus Pertindihan Keseluruhan	Keputusan
80% - 100%	Lulus
0 –79%	Tidak Lulus

CONTOH

Lampiran C
 Lampiran C1-C#
 Lampiran C(a) – C(x)

LAMPIRAN C

RINGKASAN PEMINDAHAN KREDIT DENGAN GRED

Institusi Kursus Diambil (<i>Host</i>)	Pelajar	No Matriks	Tahap Pengajian		Jumlah kursus di UM yang dimohon untuk pemindahan kredit	Rujukan Lampiran	Tarikh Mesyuarat Fakulti
			<i>Host</i>	UM			
SEGI University	Aminah binti Ali	23100668/1	Diploma	Sarjana Muda	2	C1	21.02.2025
UMCCed	Lee Chong Wei	23100667/1	Diploma	Sarjana Muda	1	C2	21.01.2025

RINGKASAN PEMINDAHAN KREDIT TANPA GRED

Institusi Kursus Diambil (<i>Host</i>)	Pelajar	No Matriks	Tahap Pengajian		Jumlah kursus di UM yang dimohon untuk pemindahan kredit	Rujukan Lampiran	Tarikh Mesyuarat Fakulti
			<i>Host</i>	UM			
Sejong University	Aminah binti Ali	23100663/1	Diploma	Sarjana Muda	2	C3	21.02.202

Lampiran C1

DENGAN GRED	✓
TANPA GRED	

Tandakan ✓ dipetak yang berkaitan

A. Maklumat Pelajar dan Perakuan Gred

Nama Pelajar	Aminah binti Ali						No. Matriks	23100668/1	
HOST	SEGI University			HOME	Universiti Malaya		Pertindahan Kursus (%)	Lampiran Jadual Pemetaan	Gred Diperakukan*
Program: Diploma Perakaunan				Program: Sarjana Muda Perakaunan					
